Surat khabar: Berita Harian
Hari/Tarikh: 29-4 April 2012
Muka surat: 14/Varsiti

Tajuk : INFO – Konvesyen Kebangsaan Politik dan Patriotisme : Hala Tuju Sebenar

## INFO

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Politik dan Patriotisme: Hala Tuju Sebenar bertujuan untuk memberi galakan dan dorongan kepada mahasiswa mempertingkatkan semangat cintakan negara melalui kaedah kesarjanaan pada 25 dan 26 Februari di DeTAR Putra, UNIMAS. Antara pembentang ialah Mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad; Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim (Sejarahwan Malaysia) dan Prof Madya Datuk Abdul Halim Sidek (Pensyarah Undang-Undang UiTM). Untuk keterangan lanjut sila hubungi MPP UNIMAS di talian 082-581815.

FAKULTI Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA (UiTM) akan menganjurkan The 2012 Art and Design Conference pada 18 hingga 19 April 2012 di Shah Alam. Tema persidangan itu ialah Inovasi dan Transformasi dalam Seni Lukis dan Seni Reka bagi menghadapi Perubahan Global. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang http://andic2012.uitm.edu.my

PELAJAR Kursus Seni Bina, Fakulti Reka bentuk dan Seni bina Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Bengkel Arkitektural PADI@UPM XXIV di Fakulti Rekabentuk dan Senibina pada 8 hingga 13 Julai 2012.

*Pihak universiti dijemput menghantar jadual aktiviti untuk disiarkan dalam Varsiti menerusi e-mel bhvarsiti@bharian.com.my atau faksimili 03-22822425.*

Berita Harian/Varsiti 29-4 April 2012 m/s: 14